



MOHD SHAHRUL MIZAD BIN ASHARI

LATAR BELAKANG

Beliau mula berjinak-jinak di dalam dunia teater pada tahun 1993 hingga tahun 1994 ketika mengikuti kursus Sijil Seni Kreatif di Universiti Sains Malaysia (USM) sebelum melanjutkan pengajian Peringkat Diploma Teater di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) seterusnya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan di Universiti Malaya (UM).

Setelah tamat pengajian, beliau memulakan kerjayanya sebagai Pengurus Pentas di beberapa Produksi di sekitar Kuala Lumpur. Dalam pada masa yang sama beliau juga bergerak secara aktif di dalam bidang lakonan antaranya ialah Teater Eksperimen '3 Lives' diarahkan oleh mendiang Krishen Jit, Teater Lembu, Proses, Jangan Bunuh Sam (ketiga-tiganya di bawah arahan Nam Ron), Ribus, *Split Gravy On Rice* arahan Zahim Al Bakri, Nyonya, Di Bawah Lindungan Kaabah arahan Rosminah Tahir, Langkau (*devised play*) kolaborasi bersama Iefiz Putra, Murni Omar, Fasyali Fadzly dan Faillul Adam, Baba (*devised play*) kolaborasi bersama Eijjat dan Iefiez, Monodrama Menunggu Lampu Hijau produksi Dr. Hatta Azad Khan, Teater Muzikal Dia Semanis Honey, dan Bangsawan Dendam Laksamana.

PENCAPAIAN

Beliau juga pernah terlibat dengan Festival Peringkat Antarabangsa di *Asian Theatre Week-China* dan *Festival Tokyo*, Jepun.

Beliau yang amat sinonim dengan pementasan bangsawan dan telah mengarah beberapa pementasan bangsawan seperti Laksamana Cheng Ho, Raja Laksamana Bentan, Bunga Sakti Chinta Malam, Raden Galoh Chandra Kirana, Syakuntala, Seri Teri Buana serta beberapa teater moden seperti *The Miracle Seed*, *Bad Girls*, *Perhiasan Kaca*, *Perempuan Bernama Barabah*, *Lepat Pisang Kopi O*, *Assyura*, dan *The Lover*.

Beliau yang merupakan pemegang Ijazah Sarjana Seni Kreatif (MA) di ASWARA dan berkhidmat sebagai Pensyarah di Fakulti Teater.